

26/10/2000

`Periksa dulu latar belakang calon pemandu'

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji untuk menubuhkan pusat rujukan yang dapat membantu pengusaha syarikat kenderaan berat memeriksa latar belakang pemandu atau calon pemandu sebelum mengambil mereka bekerja.

Menterinya, Datuk Seri Ling Liong Sik berkata, langkah itu dibuat bagi mengelak kejadian kecurian kargo dan jenayah berat berpunca daripada pemandu kenderaan terbabit.

"Usaha ini sedang kami lakukan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ia sejajar dengan seminar keselamatan kargo yang menekankan pentingnya syarikat kenderaan dan majikan mengetahui latar belakang dan kesihatan mental pemandu kenderaan terbabit.

"Dalam kebanyakan kes kecurian lori kargo, ia membabitkan pemandu yang bersubahat dengan sindiket merampas lori dan mencuri kargo," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat mingguan kementeriannya, di sini hari ini.

Penubuhan pusat rujukan itu juga dikaitkan dengan kejadian rogol dan bunuh seorang jurutera, Noor Suzaily Mukhtar 24, pada awal Oktober lalu oleh seorang pemandu bas ekspres di Klang.

Dr Ling berkata, semua syarikat dan pengusaha kenderaan berat perlu bekerjasama memeriksa terlebih dahulu latar belakang pekerja dan pemandu masing-masing bagi memastikan kejadian merampas dan kecurian kargo tidak berulang.

Pada masa yang sama, beliau turut menasihatkan majikan supaya lebih berhati-hati dan tidak memberi kebebasan, terutamanya kepada kakitangan baru dalam mengetahui maklumat mengenai jadual dan kata laluan komputer di pejabat.

Dr Ling turut meminta semua pengusaha syarikat lori, bas dan konsortium teksi yang pernah memberhentikan mana-mana pemandu mereka di atas sebab jenayah, menyenaraihitamkan nama pemandu terbabit untuk dimaklumkan kepada syarikat lain.

"Kerjasama daripada majikan juga penting bagi mengenengahkan nama pemandu yang pernah dibuang kerja kerana kes jenayah bagi memastikan majikan lain tidak menjadi mangsa," katanya.

Pada sidang akhbar itu juga, Dr Ling turut mengumumkan langkah kementerian dan JPJ mengharamkan serta merta penggunaan pelekat iklan bagi tujuan promosi yang dilekatkan pada dinding sisi kenderaan awam, termasuk di tingkap bas.

Katanya, langkah pengharaman itu dibuat bukan saja kerana ia mengganggu pemandangan pemandu, malah sebagai langkah keselamatan kepada penumpang yang menaiki bas.

Ditanya mengenai cadangan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menaikkan kadar tambang penerbangan domestik, beliau berkata kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenainya.

"Ini adalah sesuatu yang sedang diuruskan dan keputusan muktamad (mengenai kadar tambang) belum dicapai," katanya.

Laporan akhbar sebelum ini memetik sumber-sumber industri yang menyebut bahawa MAS sudah diberikan kebenaran untuk menaikkan kadar tambang penerbangan domestik sehingga 50 peratus, tetapi hanya untuk penerbangan di Semenanjung.

Ketika ditanya bila kerajaan akan membuat pengumuman, Dr Ling berkata beliau akan mengumumkan perkara itu pada masa yang sesuai.

"Kita masih meneliti butirannya ... secepat yang mungkin," katanya.

Dr Ling juga ditanya mengenai laporan berita hari ini berhubung pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Ezam Mohd Nor, di atas pembabitannya dalam usaha memburukkan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau berkata: "Saya berpendapat ia adalah satu tindakan pengecut, katakannya di sini (di Malaysia) kerana kita mempunyai surat khabar dan segala-galanya di sini.

"Kenapa mereka tidak mahu bercakap di dalam negara apabila kita berpeluang untuk membalas tuduhan itu, sebaliknya mengatakan di belakang dan kita tidak berpeluang untuk membalas."

(END)